

17/03/2001

Pemilikan rumah kakitangan kerajaan dikaji

SUNGAI PETANI, Jumaat - Ada pegawai kerajaan, termasuk guru lulusan universiti dan pegawai tadbir diplomatik (PTD) terpaksa tinggal di setinggan akibat tidak mampu menanggung kos hidup yang tinggi di bandar.

Kajian Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mendapati kadar sewa rumah yang terlalu tinggi di bandar, khususnya di Kuala Lumpur mengakibatkan kakitangan terbabit memilih untuk tinggal di kawasan setinggan.

Sehubungan itu, Cuepacs akan menjalankan kajian terperinci mengenai masalah itu bagi membolehkan mereka diberi bantuan.

Presidennya, N Siva Subramaniam, berkata kajian Cuepacs di Kuala Lumpur baru-baru ini mendapati tiga guru lulusan universiti terpaksa tinggal di setinggan Kampung Kerinchi manakala ada PTD menyewa di kawasan setinggan lain.

"Cuepacs sudah mengemukakan masalah ini ketika bertemu Perdana Menteri dua hari lalu. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa simpati dan mahukan laporan lengkap.

"Cuepacs akan menjalankan kajian kakitangan kerajaan yang terpaksa hidup di kawasan setinggan mulai minggu depan dan dijangka siap menjelang akhir April ini," katanya selepas menghadiri Seminar Pembangunan Wanita anjuran Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), di sini, hari ini.

Katanya, laporan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri dan semua Menteri Besar serta Ketua Menteri bagi membolehkan kerajaan negeri memperoleh gambaran sebenar masalah kakitangan kerajaan.

Siva yang juga Setiausaha Agung NUTP berkata, Cuepacs sudah bertemu Menteri Besar Perlis, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan baru-baru ini dan mereka bersetuju menyediakan rumah yang lebih sesuai.

Menurutnya, Cuepacs akan bertemu Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin bagi merayu kerajaan membenarkan kakitangan kerajaan memohon pinjaman perumahan sejurus disah jawatan.

Setakat ini, katanya, kakitangan kerajaan yang sudah sah dalam jawatan terpaksa menunggu hingga tiga tahun sebelum layak memohon pinjaman perumahan.

(END)